



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892208
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA (S)600-5/4/24 (3)
Tarikh : 7 September 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/
Tuan/ Puan,

**URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN SATU (1) JAWATAN
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W28 PERKHIDMATAN
GUNASAMA PERSEKUTUAN DI MUZIUM JABATAN PENJARA,
MELAKA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT (Kew)] Gred W26 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

2.1 Dinaikkan pangkat sebagai PT (Kew) Gred W26 **pada 31 Disember 2018 dan sebelum;**

...2/

- 2.2 Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred W26 berubah ke tarikh 1 Januari 2019 dan seterusnya;
- 2.3 Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;
- 2.4 Markah LNPT tahun terkini 2021 dan markah keseluruhan LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2019, 2020 dan 2021) tidak kurang 80%;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (salinan hendaklah disertakan);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.9 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan **calon-calon yang bersedia untuk penempatan seperti dinyatakan sahaja digalakkan untuk memohon urusan pemangkuan ini**. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melengkapkan maklumat pegawai terlibat berdasarkan kepada format yang dilampirkan di **Lampiran E** dan mengemukakan ke Jabatan ini di alamat e-mel seperti di perenggan 5 dan juga mengemukakan semua **Lampiran (A, B dan C)** berkenaan sebelum atau pada **11 Oktober 2022** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4. BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan perlu memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat seperti di perenggan 2 sahaja dikemukakan ke Jabatan ini**. Selain itu, BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

5. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Encik Mohd Fauzi bin Hashim - 03-8885 4782
fauzi.hashim@jpa.gov.my

- ii. Puan Hasnulaily binti Che Omar @ - 03-8885 4147
Che Hassan
hasnulaily.omar@jpa.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(RUSLI BIN HARUN)

Pengarah

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4012

✉ : rusli.harun@jpa.gov.my